



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38 (b)**

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI HAL EHWAL MASJID TINGKAT KHAS (B.3)
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====
Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Hal Ehwal Ugama.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI HAL EHWAL MASJID TINGKAT KHAS
JABATAN HAL EHWAL MASJID
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. i) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Pegawai Hal Ehwal Masjid atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- ii) Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Pegawai Hal Ehwal Masjid atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Lulus peperiksaan seperti berikut:
 - i) Peperiksaan Perkhidmatan Ugama Perkhidmatan Awam (**PPUPA**) atau sebanding; dan
 - ii) Peperiksaan Jabatan (Jika ada).
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

BAHAGIAN IMARAH

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah dan Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid dalam perkara yang berkaitan dengan pengimarah Masjid, Surau dan Balai Ibadat seluruh negara;
2. Bertanggungjawab dalam merancang, melaksanakan dan memantau pentakmiran Masjid, Surau dan Balai Ibadat;
3. Bertanggungjawab menyediakan rancangan kerja tahunan;
4. Bertanggungjawab mengawal perjalanan, pelaksanaan dan perkembangan / pembelajaran kelas Al-Quran dan Muqaddam serta kelas dewasa di Masjid, Surau dan Balai Ibadat;
5. Bertanggungjawab mengendalikan acara sambutan sempena Hari Kebesaran Negara dan Kebesaran Islam di Masjid, Surau dan Balai Ibadat;
6. Bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan pembaca doa bagi majlis-majlis rasmi;
7. Bertanggungjawab mengawal dan memastikan pelantikan / penubuhan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Surau dan Balai Ibadat;
8. Bertanggungjawab mengendalikan Sembahyang Sunat Hajat / Sembahyang Sunat Istisqa / Sembahyang Sunat Gerhana di Masjid, Surau dan Balai Ibadat;
9. Bertanggungjawab mengendalikan urusan penerbitan bahan-bahan cetak seperti Buku Program / Surah Yaa Siin dan Tahlil Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam; dan
10. Menerima arahan dari semasa ke semasa.